

# HADIS-HADIS GALAKAN MENDAMPINGI AL-QURAN: PEMANGKIN MOTIVASI INTRINSIK DAN EKSTRINSIK KE ARAH PENINGKATAN SPIRITAL

Hayati Hussin<sup>i</sup>, Abdul Rahim Ahmad<sup>ii</sup>, Muhammad Hafiz Saleh<sup>iii</sup>, Rohana Zakaria<sup>iv</sup>,  
Nurul Asiah Faseha Mohamad, Mardhiyah Yahaya<sup>v</sup>, Aslam Farah Selamat<sup>vi</sup>

<sup>i, iii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

<sup>ii</sup> Felo, Institut Kajian Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>iv</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

<sup>v</sup>Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>vi</sup> Pelajar PHD, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia..

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: [hayati.hussin@usim.edu.my](mailto:hayati.hussin@usim.edu.my)

## ABSTRAK

Mendampingi al-Quran dengan menghafal merupakan salah satu proses kepada penjagaan kitab suci ini daripada hilang di telan zaman. Sejarah menyaksikan terdapat ramai sahabat yang telah menghafaz al-Quran. Perkara ini jelas apabila Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu baginda akan mengajarkannya kepada para sahabat. Pendekatan pengajaran al-Quran dilakukan pada masa baginda secara hafazan yang telah diaplikasikan oleh Malaikat Jibrail di dalam mengajar al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. Terdapat pelbagai hadis berkaitan kelebihan mendampingi al-Quran. Justeru kajian ini bertujuan untuk menerokai keutamaan mendampingi al-Quran dan kelebihannya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Bentuk kajian adalah analisis tematik dan analisis kandungan untuk mengumpul data serta menganalisis hadis berkaitan kelebihan mendampingi al-Quran. Hasil kajian mendapati terdapat banyak hadis yang membicarakan tentang kelebihan mendampingi al-Quran. Kajian ini hanya membentangkan 10 buah hadis yang diambil daripada Sahih Bukhari, Muslim. Begitu juga hadis Tirmidhi dan Ibn Majah juga turut dikupas bagi mencapai objektif kertas kerja ini. Kajian ini memberi implikasi yang sangat penting kepada masyarakat dalam mendampingi al-Quran samada dengan membaca, menghafal, mentadabbur serta beramal dengan kitab suci al-Quran al-Karim.

**Kata-kata kunci:** hadis, mendampingi al-Quran, motivasi, intrinsik, ekstrinsik, spiritual

## PENDAHULUAN

Menghafal al-Quran merupakan salah satu amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Ia merupakan cara yang paling dekat untuk mendampingi al-Quran. Amalan ini tidak hanya membawa keberkatan di dunia, tetapi juga ganjaran yang besar di akhirat. Terdapat banyak Rasulullah s.a.w menekankan kelebihan mendampingi al-Quran samada membaca dan menghafal

al-Quran. Hadis-hadis ini bukan sahaja menjadi galakan untuk mendampingi kitab suci tersebut, tetapi juga berfungsi sebagai pemangkin motivasi untuk meningkatkan keimanan dan spiritualiti seorang Muslim. Di dalam al-Quran Allah s.w.t telah merakamkan bahawa golongan yang menghafaz al-Quran merupakan yang dipilih oleh Allah s.w.t Di dalam surah Fatir ayat 32.

بِمِنْ أَوْرَثْنَا الْكِتَبَ الْذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَايِقٌ بِالْحُجْرَاتِ يَأْذِنُ اللَّهُ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ

Maksudnya: “Kemudian Kami jadikan Al- Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata)”.

Berdasarkan daripada firman Allah s.w.t dalam surah ini sebenarnya menjadi motivasi kita agar terus mendampingi al-Quran dengan menjaga serta memeliharanya sehingga ke akhir hayat. Allah menyebut bahwa Al-Quran diwariskan kepada orang-orang yang dipilih dari antara hamba-hamba-Nya. Ini menunjukkan bahawa mereka yang dianugerahkan Al-Quran adalah suatu kehormatan dan amanah besar yang harus dijaga dengan penuh tanggung jawab.

Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin movere yang bermakna bergerak. Dalam Kamus Besar Arab-Melayu (2006: 754) pula, motivasi disebut dengan kata tunggal (da:fi') dan kata jamak pula (dawa:fi') yang bererti dorongan. Ainan Mohd. (2003: 3), menegaskan bahawa istilah motivasi memberi makna mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Oleh itu, ia bertepatan dengan dua kata yang membentuk istilah motivation iaitu motive dan action. Justeru, motivasi boleh diertikan sebagai sebagai dorongan untuk melakukan tindakan bagi tujuan tertentu(Mohd Zaki Ahmad,2021).

Menurut Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin, motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan. Ia berkait rapat dengan tingkah laku, sikap dan norma seseorang individu. Terdapat banyak pandangan melalui kajian lepas terhadap definisi motivasi. Motivasi adalah tingkah laku individu dalam melaksanakan keinginan dan tujuan mereka sendiri. Berdasarkan pernyataan tersebut, motivasi dianggap sebagai cara-cara seseorang individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan tugasan. Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Cara dan tingkah laku dalam melakukan sesuatu pekerjaan sering dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti faktor motivasi dan seterusnya mempengaruhi hasil daripada pekerjaan tersebut. Menurut Slameto (2013), motivasi merupakan proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi dilihat sebagai satu tertib atau langkah-langkah yang teratur untuk mempengaruhi seseorang individu dalam menjalankan tugasan. Othman dan Ismail (2012) menjelaskan motivasi sebagai satu elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Selain itu, dalam kajian lain pula motivasi adalah proses dalaman, personal, proses sukarela dan tidak memaksa, serta mengarahkan keupayaan intelektual dan mental (Seebaluck & Seegum, 2013).

Motivasi sebahagian besarnya boleh dibahagikan kepada tiga komponen iaitu, motivasi intrinsik, ekstrinsik, dan amotivasi. Motivasi intrinsik dapat dilihat apabila seseorang individu melakukan aktiviti untuk kepuasan diri sendiri (Brown, 2007). Manakala dalam konteks pembelajaran, motivasi intrinsik sering dikaitkan dengan tujuan daripada diri pelajar itu sendiri dan minat yang tersendiri terhadap sesuatu subjek atau aktiviti tersebut. Apabila seseorang menikmati pekerjaan atau aktiviti, melihatnya sebagai peluang untuk belajar dan mengambil bahagian tanpa ganjaran luar, dapat diandaikan bahawa individu tersebut termotivasi secara intrinsik (Coon & Mitterer, 2010). Walaubagaimanapun, hasil ini bergantung kepada individu itu sendiri. Motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam setiap pencapaian termasuklah pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Justeru dapat disimpulkan bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik sangat mempengaruhi pelajar dalam menangani isu dan cabaran dalam membaca dan mengekalkan hafazan al-Quran (Hayati, 2023).

## SOROTAN LITERATUR

Manusia dicipta sebagai makhluk yang terdedah kepada sifat lupa (forgetfulness). Secara umumnya, proses mendampingi al-Quran melalui bacaan, hafazan serta penghayatan adalah suatu proses yang menuntut seseorang untuk komited. Pada hakikatnya, tanggungjawab mendampingi al-Quran terutamanya memelihara hafazan yang ada dalam memori ingatan daripada terlupa adalah jauh lebih sukar (Gade, 2004; Diallo, 2011). Selari dengan kenyataan tersebut, terdapat banyak hadis yang menggalakkan agar kerap membaca, mengulang hafazan dan komited agar dapat memelihara ingatan ayat al-Quran. Di samping galakan kepada hafiz al-Quran, terdapat juga hadith yang memberi amaran agar tidak melupakan ayat yang telah dihafaz (Muhammad Saleem, 2012). Meskipun hafiz al-Quran telah melepas cabaran menghafaz, mengekalkan hafazan, dan pelbagai fasa ujian yang ditetapkan oleh pihak institusi tahniah, namun tahap ingatan terhadap al-Quran masih lemah (Zulkifli, 2013; Sedek, 2012)( Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah , Arieff Salleh Rosman, 2015).

Antara hikmat proses penurunan al-Quran secara beransur-ansur adalah untuk mendidik dan memberikan ketenangan kepada nabi untuk mendampingi, menghafaz dan menjalankan segala perintah al-Quran. Keadaan ini memberikan peluang kepada para sahabat untuk mempelajari al-Quran secara berperingkat-peringkat dan hasilnya para sahabat mempunyai asas pendidikan al-Quran yang kukuh untuk menguasai ilmu Islam yang lain (Ash Shabuny, 2002). Seterusnya baginda telah menjelaskan amalan al-Quran dalam hidup sehari-hari baginda kerana tarbiyah terus dari al-Quran (Al-Qabbaini, 1994). Saidatina Aisyah telah menyatakan akhlak Rasulullah adalah akhlak al-Quran kerana al-Quran sendiri telah mengiktiraf akhlak Nabi Muhammad dalam maksud firman Allah SWT surah al-Qalam ayat 14: "Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai budi pekerti yang luhur." Oleh itu, amalan membaca serta menghafaz al-Quran adalah satu Sunnah yang penting untuk terus diikuti dan diamalkan oleh semua umat Islam kerana al-Quran adalah petunjuk dan cahaya bagi orang-orang yang beriman.

Di dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002: 898) motivasi didefinisikan sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Menurut Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin, motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan. Ia berkait rapat dengan tingkah laku, sikap dan norma seseorang individu. Terdapat banyak pandangan melalui kajian lepas terhadap definisi motivasi. Motivasi

adalah tingkah laku individu dalam melaksanakan keinginan dan tujuan mereka sendiri. Berdasarkan pernyataan tersebut, motivasi dianggap sebagai cara-cara seseorang individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan tugas. Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Cara dan tingkah laku dalam melakukan sesuatu pekerjaan sering dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti faktor motivasi dan seterusnya mempengaruhi hasil daripada pekerjaan tersebut. Menurut Slameto (2013), motivasi merupakan proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi dilihat sebagai satu tertib atau langkah-langkah yang teratur untuk mempengaruhi seseorang individu dalam menjalankan tugas. Othman dan Ismail (2012) menjelaskan motivasi sebagai satu elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Selain itu, dalam kajian lain pula motivasi adalah proses dalaman, personal, proses sukarela dan tidak memaksa, serta mengarahkan keupayaan intelektual dan mental (Seebaluck & Seegum, 2013). Justeru motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan yang penting dalam mendampingi al-Quran.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Bentuk kajian adalah analisis tematik dan analisis kandungan terhadap data-data primer, iaitu kitab-kitab hadith seperti Bukhari, Muslim, Tirmizi, Ibn Majah dan juga kitab-kitab hadith yang muktabar. kaedah analisis tematik digunakan dengan memilih perkataan yang boleh dijadikan tema berkaitan kelebihan mendampingi al-Quran. Analisis tematik analisis merupakan suatu kaedah yang digunakan dalam kajian kualitatif (Lebar, 2009). Data dokumentasi yang diperoleh kemudian dianalisis melalui kaedah analisis kandungan (content analysis). Data turut dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah istiqra' dan al-istidlal. Metode istiqra' atau induktif ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum, sementara metode istidlal atau deduktif pula ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus (Najahudin Lateh et.al, 2022). Untuk mengenalpasti tema bagi kelebihan mendampingi al-Quran pengkaji akan menentukan berdasarkan hadis-hadis yang terdapat pada sumber premier yang telah dinyatakan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat pelbagai hadis mengenai kelebihan mendampingi al-Quran dengan cara membaca dan menghafal. Di antara kelebihan yang dinyatakan ialah ganjaran pahala, mendapat kedudukan di syurga, memperolehi kemuliaan di dunia dan di akhirat. Membaca serta menghafal al-Quran merupakan salah satu amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Terdapat banyak kebaikan yang menanti bagi mereka yang berusaha mendampingi al-Quran serta menjaga al-Quran dalam hidup mereka. Berikut adalah beberapa hadis berkaitan kelebihan mendampingi al-Quran dengan cara membaca dan menghafalnya. Dapatkan kajian adalah seperti yang berikut:

### Pertama: Anugerah

Terdapat banyak hadis berkaitan dengan orang yang mempelajari dan mengajar al-Quran. Diiktiraf sebagai sebaik-baik manusia. Terdapat juga hadis yang menyebut ahli al-Quran merupakan orang-orang yang khusus di sisi Allah s.w.t. Di antara hadis-hadis tersebut ialah:

Daripada Uthman bin Affan ra, dari nabi saw bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ

Maksdnya: “Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya” (Al-Bukhari).”<sup>147</sup>

Dari Umar Ibn Al-Khattab ra bahawa Nabi saw bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَرْفَعُ بِهِذَا الْكِتَابِ أُقْوَامًا، وَيَضْعُ بِهِ آخَرِينَ

Maksdnya: “Sesungguhnya Allah mengangkat beberapa orang dengan kitab ini, dan menjatuhkan orang” lain dengannya(Muslim.).”<sup>148</sup>

Ahli al-Quran adalah ahlullah dan orang-orang istimewa, sebagaimana sabda Nabi saw:

إِنَّ اللَّهَ أَهْلِيَنَ مِنَ النَّاسِ، قَالُوا: مَنْ هُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: أَهْلُ الْقُرْآنِ؛ هُمْ أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ

Maksdnya: “Sesungguhnya Allah memiliki orang-orang khusus dari kalangan manusia. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah mereka? Baginda menjawab: Mereka adalah ahli al-Quran, Ahlullah dan orang-orang khusus-Nya”(Ibn Majah).”<sup>149</sup>

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَعَظَّمُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌ لَهُ أَجْرٌ

Maksudnya: “Orang yang lancar membaca Al-Quran akan bersama malaikat utusan yang mulia lagi berbakti, sedangkan orang yang membaca Al-Quran dengan tersekat-sekat lagi berat, maka ia akan mendapatkan dua pahala.” (Tirmizi. ).”<sup>150</sup>

## Kedua: Pahala

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بِعْشُرُ أَمْثَالِهَا، لَا أَقُولُ: {الْم} حَرْفٌ، وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ، وَلَامٌ حَرْفٌ، وَمِيمٌ حَرْفٌ

<sup>147</sup> Sahih Al-Bukhari, Kitab Keutamaan Al-Quran, Bab Sebaik-baik Kamu Adalah yang Belajar dan Mengajarkan Al-Quran, Nombor hadith: 5027.

<sup>148</sup> Sahih Muslim, Kitab Sholat Musafir dan qasarnya, Bab Keutamaan Orang yang membaca Al-Quran dan Mengajarkannya, dan Keutamaan Orang yang Mempelajari Hikmah dari Fiqh atau Perkara Lain dan Mengamalkannya serta Mengajarkannya, Hadith No. 817.

<sup>149</sup> Sunan Ibn Majah, Kitab Iman dan Keutamaan Sahabat dan Ilmu, Bab Keutamaan Orang Yang Belajar Al-Quran dan Mengajarannya, Hadith No. 215.

<sup>150</sup> Sahih Muslim, Bab Fadl al-Mahir fi al-Quran wa alladhi yatata'ta' fihi, no. 798, bertaraf sahih. Hadith No. 798.

Maksudnya: “Barangsiapa membaca satu huruf dari Kitabullah (al-Quran), maka baginya satu pahala. Satu pahala itu dilipatgandakan menjadi sepuluh kali lipat. Aku tidak mengatakan Alif Lam Mim itu satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf, dan Mim satu huruf. ”(Tirmizi.) ”<sup>151</sup>

### Ketiga: Syafaat

Terdapat pelbagai hadis yang membicarakan berkaitan syafaat al-Quran pada akhirat kelak. Syafaat kepada para pembacanya. Al-Quran juga memberi syafaat kepada ibubapa dan juga ahli keluarga. Di antara hadis-hadis tersebut ialah:

Dari Abu Umamah Al-Bahili ra berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda:

اقرءوا القرآن فإنّه يأتي يوم القيمة شفيعاً لأصحابه، اقرءوا الزهارين البقرة وسورة آل عمران، فإنّما تأتيان يوم القيمة كأنّما عمامتان، أو كأنّما غياثتان، أو كأنّما فرقان من طير صافٍ، تُحاجَّان عن أصحابهما، اقرءوا سورة البقرة، فإنّ أخذها بركة، وتركها حسنة، ولا تستطيعها البطلة. قال معاوية: بلغني أن البطلة: السحرة.

Maksudnya: “Bacalah al-Quran, kerana ia akan datang pada Hari Kiamat sebagai pemberi syafaat kepada para sahabatnya Bacalah ayat Al-Baqarah dan Surah Ali Imran, kerana mereka akan datang pada hari kiamat seakan-akan dua awan, atau seakan-akan dua awan dua kawanan burung berbondong-bondong demi membela ahlinya. Bacalah Surah Al-Baqarah, kerana mengambilnya adalah rahmat, dan meninggalkannya adalah penyesalan. Ia tidak mampu dikerjakan oleh orang-orang yang batil. Kata Muawiyah: aku diberitahu maksud orang batil ialah ahli sihir.”<sup>152</sup>

Nabi s.a.w bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمِلَ بِمَا فِيهِ أُلْبِسَ الْإِدَاهَ تَاجًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ، ضَوْءُهُ أَحْسَنُ مِنْ ضَوْءِ الشَّمْسِ فِي بُيُوتِ الدُّنْيَا لَوْ كَانَتْ فِيْكُمْ، فَمَا ظُنُّكُمْ بِالَّذِي عَمِلْتُمْ هَذَا؟!

Maksudnya: “Barangsiapa membaca Al-Quran dan mengamalkan apa yang ada di dalamnya, maka kedua orang tuanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat. Cahayanya lebih baik daripada cahaya matahari di dunia ini jika ia berada di antara kamu. Maka bagaimana pendapatmu tentang orang yang beramal dengan amalan ini?”.<sup>153</sup>

Dari Al-Nawwas bin Samaan Al-Kilabi, dia berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda:

<sup>151</sup> Sunan Tirmidhi, Kitab Fada'il al-Quran, Bab Man Qaraa Harfan min al-Quran Ma Lahu min al-Ajr, bertaraf Hasan, Hadith No. 2910.

<sup>152</sup> Rujukan sebelumnya, Hadith No. 804.

<sup>153</sup> Sunan Abu Daud, Kitab al-Witr, Bab Pahala Membaca Al-Quran, Hadith No. 1455.

يُؤْتَى بِالْقُرْآنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَهْلِهِ الَّذِينَ كَانُوا يَعْمَلُونَ بِهِ، تَقْدُمُهُ سُورَةُ الْبَقَرَةِ وَآلُ عِمْرَانَ، وَضَرَبَ لَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَةَ أُمَّالٍ مَا نَسِيَّتُهُنَّ بَعْدَ؛ قَالَ: كَأَكْثَمَا غَمَامَتَانِ، أَوْ ظُلُّتَانِ سَوْدَاوَانِ، يَبْنَهُمَا شَرْقٌ، أَوْ كَأَكْثَمَا حِزْقَانِ مِنْ طَيِّرٍ صَوَافَّ، تُحَاجَّانِ عَنْ صَاحِبِهِمَا

Maksudnya: “Al-Quran akan didatangkan pada hari kiamat bersama ahlinya yang telah beramal dengannya, surah pertama yang mendahului ialah surah Al-Baqarah dan Ali Imran.” Kemudian Rasulullah saw memberikan tiga perumpamaan berkenaan dengan keduanya. Aku tidak akan melupakannya setelah itu: “Seperti dua tumpuk awan hitam yang diantara keduanya terdapat cahaya, atau seperti dua kawanan burung yang sedang terbang dalam formasi hendak membela pembacanya.”<sup>154</sup>

Ahlul Quran bersaing dalam bidang al-Quran, memperoleh kebaikan dan mengumpul pahala. Abdullah bin Umar r.a. berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda:

لَا حَسَدَ إِلَّا عَلَى اثْنَتَيْنِ: رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْكِتَابَ، وَقَامَ بِهِ آنَاءَ اللَّيْلِ، وَرَجُلٌ أَعْطَاهُ اللَّهُ مَالًا، فَهُوَ يَتَصَدَّقُ بِهِ آنَاءَ اللَّيْلِ  
والنَّهَارِ

Maksudnya: “Tidak ada hasad dengki melainkan aku. Dua orang: seorang yang diberi Allah al-Quran dan dia mendampinginya pada waktu malam, dan seorang lelaki yang diberi Allah harta, maka dia bersedekah siang dan malam.”<sup>155</sup>

#### Keempat: Darjat

يُقَالُ لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ اقْرَأْ وَارْتَقِ وَرَتَّلْ كَمَا كُنْتَ ثُرْتُلُ فِي الدُّنْيَا فَإِنَّ مَنْزِلَتَكَ عِنْدَ آخِرِ آيَةٍ تَقْرَأُ هُنَّا

Maksudnya: “Akan dikatakan kepada pembaca Al-Qur'an ‘Bacalah dan naiklah (ke darjat yang tinggi), serta tartikanlah sebagaimana kamu mentartilkannya ketika di Dunia, kerana kedudukanmu pada akhir ayat yang kamu baca.’” (Tirmidhi.)<sup>156</sup>

Hadis-hadis yang dinyatakan di atas bukan sahaja menyentuh tentang ganjaran akhirat, tetapi juga menjadi sumber motivasi intrinsik yang sangat besar dalam kehidupan seorang Muslim. Proses membaca dan menghafal al-Quran memerlukan pengulangan ayat-ayat suci, yang menyebabkan seseorang sering bermunajat kepada Allah. Ini meningkatkan kesedaran tentang kehadiran Allah dan memperdalamkan keimanan. Dorongan untuk berjaya di dunia dan akhirat adalah berdasarkan janji-janji syurga dan kedudukan yang tinggi di akhirat, para huffaz terdorong untuk membaca dan menghafal al-Quran dengan lebih tekun. Perkara ini juga memberi motivasi kepada mereka untuk

<sup>154</sup> Sahih Muslim, Kitab Solat Musafir dan Qasarnya, Bab Keutamaan Membaca Al-Quran dan Surah Al-Baqarah, Hadith No. 805.

<sup>155</sup> Muttafaq 'Alaih: Sahih al-Bukhari, Kitab Keutamaan Al-Quran, Bab Kebahagiaan Ahli al-Quran, Hadith No. 5025, lafaz al-Bukari; Sahih Muslim, Kitab Solat Musafir dan Qasarnya, Bab Keutamaan Orang Yang Membaca Al-Quran Dan Mengajarkannya Dan Keutamaan Orang Yang Belajar Hikmah Sesiapa Yang Mempunyai Fiqh Atau Selainnya dan Beramal Dengannya Serta Mengajarkannya, Hadith No. 815.

<sup>156</sup> Tirmid Kitab Fada'il al-Quran, no 2914, bertaraf Hasan saih

memperbaiki diri dan mematuhi ajaran al-Quran dalam kehidupan sehari-hari serta dapat meningkatkan motivasi intrinsik untuk semakin mendampingi al-Quran.

Dalam kehidupan sehari-hari, seorang huffaz amat dihormati dan dianggap sebagai pemimpin agama. Hadis-hadis yang mengangkat darjat para penghafaz al-Quran membangkitkan rasa tanggungjawab dan semangat untuk menyebarkan ilmu dan kebaikan kepada orang lain. Hadis-hadis yang menyebutkan bahawa al-Quran memberi syafaat pada hari kiamat menjadi motivasi penting, terutama bagi mereka yang ingin memberi manfaat kepada keluarga dan masyarakat mereka. Kelebihan-kelebihan yang dijelaskan dapat meningkatkan motivasi ekstrinsik agar mereka semakin bersabab dengan al-Quran.


Selain daripada aspek motivasi membaca dan menghafal al-Quran turut memainkan peranan besar dalam peningkatan spiritual seorang Muslim. Antaranya ialah dapat menguatkan hubungan dengan Allah s.w.t. Proses membaca dan menghafal al-Quran memerlukan pengulangan ayat-ayat suci, yang menyebabkan seseorang sering bermunajat kepada Allah. Ini meningkatkan kesedaran tentang kehadiran Allah dan memperdalamkan keimanan. Selain daripada itu dapat menyucikan jiwa (Tazkiyah al-Nafs). Menghafal al-Quran memerlukan disiplin yang tinggi dan pembinaan akhlak yang baik. Seseorang yang menghafal al-Quran akan ter dorong untuk menghindari maksiat dan mengamalkan ajaran-ajaran al-Quran dalam kehidupannya. Ini menjadi salah satu cara penyucian jiwa yang efektif. Mendampingi al-Quran juga dapat melahirkan ketenteraman hati dan jiwa. Firman Allah s.w.t:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْأُفُلُونَ

Maksudnya: "Ketahuilah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram." (Surah Ar-Ra'd, 13:28),

Mendampingi al-Quran dengan cara membaca dan menghafal dapat mendatangkan ketenangan hati dan spiritual dalam kehidupan yang penuh cabaran. Al-Quran juga mengandungi panduan lengkap mengenai akhlak dan adab. Seorang yang mendampingi al-Quran sentiasa kerap membaca dan menghafal ayat-ayat al-Quran menjadikan mereka ter dorong untuk mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan sehari-hari. Ia juga dapat menjadikannya insan yang lebih baik.

Melalui dapatan kajian yang dibincangkan sebelum ini, kajian ini menganalisis 10 buah hadis-hadis berkaitan galakan mendampingi al-Quran melalui bacaan dan hafazan. Tema yang bersesuaian telah dipilih bagi mencapai tujuan kertas kerja yang dibentangkan. Hadis-hadis galakan mendampingi al-Quran yang diambil daripada Sahih Bukhari, Muslim. Begitu juga hadis Tirmidhi dan Ibn Majah juga yang bagi mencapai objektif kertas kerja ini. Tema dipilih berdasarkan analisis terhadap teks bagi semua 10 hadis berkaitan galakan mendampingi al-Quran. Tema-tema tersebut boleh dilihat pada rajah 1. Penjelasan bagi setiap tema dan hadis yang berkaitan adalah seperti di bawah



Rajah 1: Tema bagi hadis-hadis mendampingi al-Quran

## KESIMPULAN

Hadis merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam. Hadis-hadis yang menggalakkan amalan menghafal al-Quran menjadi pemangkin yang kuat bagi umat Islam untuk terus membaca, menghafal dan menjaga al-Quran dalam hati mereka. Membaca, menghafal al-Quran bukan sahaja menjanjikan ganjaran akhirat, tetapi juga berfungsi sebagai alat peningkatan spiritual yang mendalam, membina akhlak dan disiplin diri. Melalui bimbingan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. umat Islam digalakkan untuk terus berusaha mencapai kedudukan yang tinggi di dunia dan akhirat dengan menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup. Walau bagaimanapun, Al-Quran boleh menjadi bukti untuk kita atau bukti ke atas kita. Nabi bersabda:

وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكُمْ، أَوْ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: “Dan Al-Quran adalah bukti untuk kamu atau terhadap kamu.”<sup>157</sup>

Maka Al-Quran adalah hujjah bagi sesiapa yang membacanya, merenungnya, dan melaksanakan perintah dan larangannya serta berpegang kepada akhlaknya, dan menjadi hujjah terhadap sesiapa yang melalaikannya kerana meninggalkannya akhlak, perintah, dan larangannya. Oleh itu, adalah perlu bagi kita untuk menunaikan kewajipan kita terhadap kitab suci ini, memberikannya hak untuk mempelajarinya, mengajarnya, memahaminya, merenung, mentadbur, dan mengamalkannya.

<sup>157</sup> Sahih Muslim, Kitab Bersuci, Bab Keutamaan Wuduk, Hadith No. 223.

Keyakinan kita kukuh bahawa Sunnah Nabi yang mulia adalah jelas dan terperinci. Ia menjelaskan Al-Quran, dan melengkapi perundangan agama kita yang sebenar. Dari Ibnu Abbas ra, bahwasanya Rasulullah saw berpidato kepada ketika menunaikan ibadah haji perpisahan. Baginda bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ! إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا إِنْ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ فَلَنْ تَضِلُّوا أَبَدًا، كِتَابَ اللَّهِ، وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

Wahai manusia! aku tinggalkan di belakang kalian sebagai sebaik sahaja kamu berpegang teguh Dengannya kamu tidak akan sesat selama-lamanya, Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya saw.<sup>158</sup>

## PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk: Model Baharu Ulangan Hafazan Al-Quran Efisien Berdasarkan Hadis Nabawi Melalui Pendekatan Motivasi Intrinsik Dan Extrinsik Ke Arah Pembentukan Huffaz Rabbani. Kod Penyelidikan (Ref: FRGS/1/2022/SSI13/USIM/02/5)

## RUJUKAN

Al-Quran.

Muslim, Abu Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushaiyriy al-Naysaburiy, *Sahih*, 1408H/1988M, Beirut, Dar al-Fikr.

Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim, *Sahih*, 1401H/1937, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, Beirut.

Al-Tirmidhiy, Muhammad bin 'Isa, Abu 'Isa, *al-Jami' al-Kabir*, 1996, Dar al-Gharb al-Islamiy, Beirut, cet.1.

Ibn Majah, Muhammad bin Yazid Qazwiniy, Abu 'Abdillah, *Sunan*, t.th, , Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Damsyik.

Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh (2021), Motivasi Intrinsik: Isu Dan Cabaran Dalam Mengelakkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Usim. Jurnal Qiraat Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Vol 4, Bil 2, Halaman 75-83

Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Jurnal Qiraat | e-issn: 2636-9521 Jurnal Qiraat, 2023, Vol 6, Bil 2 82 Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor, Malaysia. <file:///C:/Users/User/Downloads/2020Othmanetal-inKajianKesdiMalaysiaSiri4.pdf>

<sup>158</sup> Al-Mustadrak oleh Al-Hakim, Kitab Ilmu, Hadith No. 318.

Brown, H. D. (2007). Principles of Language Learning and Teaching. (5th ed.). New York: Pearson Education.

Coon, D. & Mitterer, J. O. (2010). Introduction to psychology: Gateways to mind and behavior with concept maps. Belmont, CA: Wadsworth